

24 SEP 1997

#### IMAM DAN BILAL TERENGGANU AKAN DISEDIAKAN RUMAH

KUALA TERENGGANU, 24 Sept (Bernama) -- Kerajaan negeri akan membina rumah untuk para imam dan bilal berdekatan kawasan masjid bagi memudahkan mereka menunaikan tanggungjawab dan menggerakkan kegiatan di masjid.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata kebanyakan masjid kini tidak menyediakan rumah untuk imam dan bilal menyebabkan sesetengahnya tidak memperdengarkan azan apabila tiba waktu solat kerana bilal tinggal berjauhan.

"Kita akan membina rumah di beberapa kawasan yang memerlukan seperti di Dungun, Kemaman, Besut dan Durian Burung ... manakala yang lain kita akan minta Jabatan Agama sewakan rumah untuk mereka," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun tidak menyebut peruntukan untuk pembinaan rumah iman dan bilal itu.

Wan Mokhtar juga berkata beliau akan cuba mendapatkan khidmat pakar dalam bidang pertanian semasa mengikuti rombongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat empat negara esok.

Dr Mahathir dijadual mengadakan lawatan rasmi ke Cuba, Chile, Uruguay dan Argentina mulai esok hingga 5 Okt.

Katanya kerajaan negeri akan menghantar para pegawai sebagai langkah susulan ke negara-negara berkenaan selepas beliau kembali nanti. -- BERNAMA  
IB RON